# Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

**From:** Unit Komunikasi Korporat
**Sent:** Tuesday, August 22, 2017 8:56 PM
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Cc:** Staf - Pesara UUM
**Subject:** UECSB Meterai LoI Dengan Tiga Institusi Pengajian Tinggi China

22 OGOS 2017 / 29 ZULKAEDAH 1438H
===================================

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)*

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

**UECSB METERAI LoI DENGAN TIGA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI CHINA**



**UUM ONLINE:** Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi anak syarikatnya, Uniutama Education and Consultancy Sdn. Bhd. (UECSB) telah menandatangani Surat Pernyataan Hasrat (LoI) dengan tiga buah institusi pengajian tinggi dari Republik Rakyat China bagi menjalinkan hubungan dalam bidang pendidikan.

LoI itu ditandatangani dalam sebuah majlis yang diadakan di UUMKL petang tadi.

Tiga buah institusi pengajian tinggi tersebut ialah Shenzhen Sino-Malaysia Joint Research Centre of Beihang University, Hong Ren Business College dan China Young International Consortium of Universities.

LoI itu ditandangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif UECSB, Prof.Madya Dr. Fairol Halim dan wakil daripada ketiga-tiga buah institusi berkenaan iaitu Pengarah Shenzhen Sino-Malaysia Joint Research Center of Beihang University, Dr. Jiang Tao; Presiden Hong Ren Business College, Dr. Run Xuan Zhang dan Pengerusi China Young International Consortium of Universities, Dr. Zhang Lin Feng sambil disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir dan Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Hadir sama CEO UMHSB, Suardi Mohamed Zakaria; Bendahari, Amron Man; Timbalan Pendaftar, Baharudin Yaacob; Pengarah Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Mohamad Farizal Rajemi dan Pengarah UUMKL, Dr Ahmad Rizal Mazlan.




Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.